

12 JAN 1998

Mahathir-Kestabilan

KESTABILAN BANTU M'SIA TANGANI MASALAH MATAWANG

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia telah dapat menangani masalah yang dihadapi seperti kejatuhan nilai matawang dan pasaran saham dengan agak baik kerana adanya kestabilan.

Beliau berkata kerajaan telah dapat menguruskan keadaan dengan agak baik dan menghadapi ribut yang sekali-sekali melanda negara ini.

"Memanglah kita tidak akan dapat mengatasinya tanpa mempunyai apa-apa kesan langsung. Kita akan mengalami sedikit sebanyak lebam-lebam atau bengkak di sana sini tetapi rakyat Malaysia pada akhirnya akan dapat keluar daripadanya dengan selamat," kata beliau ketika merasmikan Dialog Pasifik Keempat di sini.

Oleh kerana itu Perdana Menteri berkata melabur di Malaysia masih merupakan satu tindakan yang bijak.

Dr Mahathir berkata kestabilan merupakan sesuatu yang disukai oleh kerajaan tetapi tidak oleh pembangkang.

Katanya kerajaan Malaysia mahu kestabilan wujud bukan sahaja di negara ini tetapi juga di rantau ini.

"Sesungguhnya kita mahu melihat kestabilan wujud di seluruh dunia -- tetapi tidak banyak yang dapat kita lakukan tentang itu.

"Kita telah berusaha keras untuk mewujudkan kestabilan di Malaysia, dan meskipun menghadapi tentangan, kita telah mencapai berjaya dengan agak baik," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Malaysia juga mencapai kejayaan yang agak baik daripada segi peranannya di rantau ini.

"Kita aktif dengan setiap pihak dan setiap pihak pula aktif antara satu sama lain. Benar, kita semua sedang menghadapi masalah ketika ini, tetapi faktor tersebut dapat meredakan masalah itu," katanya.

Dr Mahathir berkata jika hanya sesetengah negara di rantau ini sahaja yang menghadapi masalah manakala yang lainnya tidak, maka mereka tidak akan mempunyai kemampuan yang sama untuk bekerja bersama-sama.

"Kini kita berhasrat untuk menggunakan kesempatan daripada malang yang menimpa kita semua ini untuk mempertingkatkan lagi kerjasama sesama kita," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa Malaysia telah mengamalkan dasar sejagat "makmurkan jiran anda" dan tidak percaya kepada prinsip "lawan kita mesti kalah jika kita mahu menang."

Perdana Menteri berkata oleh itu Malaysia sememangnya tidak berminat untuk menghancurkan pesaingnya bagi mendapatkan sebahagian kecil daripada apa yang dimiliki mereka.

"Kita percaya kepada formula yang boleh membawa kemenangan kepada semua pihak, iaitu kita mendapat untung dan rakan kita juga untung," kata Dr Mahathir.

Dalam hal Malaysia, katanya, pada ketika ia menjadi negara dua komoditi, pelabur asing datang untuk melabur dalam industri pembuatan dan mengajar rakyat tempatan untuk mengeluarkan barangan elektronik yang sofistikated untuk eksport.

Beliau berkata sebagai balasan kepada bantuan pelabur asing itu dalam memakmurkan rakyat Malaysia, mereka (rakyat Malaysia) pula membantu dengan menjadi pasaran yang baik untuk mereka.

Sama juga halnya apabila Malaysia membantu Vietnam untuk mencapai kemakmuran dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negara

berkenaan, ini mendorong pelarian Vietnam yang berada di Malaysia kembali ke tanah air mereka.

"Jadi usaha membantu sebuah negara jiran makmur itu sebenarnya telah membantu menyelesaikan masalah pemindahan rakyatnya ke negara kami," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata dengan sebab itulah Malaysia percaya kepada prinsip memakmurkan jirannya, bukan "memiskinkan jiran anda."

"Apabila kita menjadikan negara lain miskin, masalah mereka akan melimpah ke dalam negara kita. Dan antara masalah itu ialah penghijrahan beramai-ramai rakyat dari negara berkenaan ke negara kita," kata beliau dengan menyebut pemindahan rakyat Albania ke Itali dan rakyat Mexico ke Amerika Syarikat sebagai contohnya.

Perdana Menteri percaya bahawa jika jiran-jirannya miskin, negara ini akan menghadapi masalah pemindahan rakyatnya dan pelbagai masalah lain.

"Tetapi kita sekarang sama miskinnya dengan mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Cable News Network (CNN) telah melaporkan bahawa Malaysia, yang pada satu ketika mempunyai dua juta pekerja asing, kini akan terpaksa menghantar balik sejuta daripada mereka ke negara asal mereka.

Mengenai Dialog Pasifik, Dr Mahathir berkata beliau percaya bahawa matlamat dialog itu ialah mewujudkan persefahaman tentang satu sama lain dan antara satu sama lain.

"Sambil kita berkeganas menuju Abad ke-21, kita ingin melihat sebuah dunia yang lebih baik, dan Lautan Pasifik, pemisah yang menyatukan, merupakan bahagian penting dunia itu. Maka adalah penting bagi penduduk rantau Pasifik memberi sumbangan mereka kepada pembinaan dunia yang lebih baik itu," katanya.

Di samping memberi serba-sedikit petunjuk kepada negara-negara Asia yang terjejas oleh krisis kewangan tentang bagaimana menangani masalah itu, beliau berharap para peserta akan juga membincangkan bagaimana hendak memulihkan keyakinan yang begitu penting kepada kuasa pasaran memberi reaksi secara positif dan membina.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku pengerusi dialog itu adalah antara mereka yang hadir pada majlis pembukaan itu. Dialog dua hari itu dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Pusat Dasar Asia-Pasifik (Appc) Washington dan Institut Kajian Dasar (IKD) Malaysia. -- BERNAMA

ES RN NMO